

Usahasama industri berat: Untuk pindah kemahiran, kepakaran — Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad menegaskan, pelaburan asing secara usahasama di bidang industri berat amat penting untuk memindahkan kemahiran dan kepakaran di semua lapisan pekerjaan dan pengurusan kepada rakyat tempatan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, perkhidmatan pakar asing khusus di bidang teknikal dan pemasaran akan menguntungkan Malaysia seperti melatih ke pekerja dan pihak pengurusan tempatan sebelum memindahkan teknologi kepada Malaysia.

Bellau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan demikian dalam jawapan bertulis soalan Sharifah Dorah Mohamad (BN-Semerah) di

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Dewan Rakyat, hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, di samping mewujudkan peluang pekerjaan dan mendapatkan kemahiran, penubuhan industri berat juga memberi faedah dari segi pertukaran wang asing.

"Ia juga akan mewujudkan asas perindustrian yang lebih luas untuk mengembangkan perindustrian secara menyeluruh," tambahnya.

Bellau menjelaskan, tujuan Kerajaan menggalakkan penubuhan industri-industri berat termasuk alat-alat gantian jentera berat bukanlah hanya untuk mewujudkan peluang pekerjaan atau mendapatkan kemahiran sahaja.

"Matlamat utama Kerajaan menggalakkan perkembangan industri-industri pembantu kejuruteraan seperti industri alat-alat gantian jentera berat ialah untuk memperkukuhkan asas industri kejuruteraan supaya membolehkan dipelbagaikan hingga menjadi industri-industri yang berteknologi lebih tinggi," tegasnya.

Katanya, penubuhan industri-industri berat termasuk industri alat-alat gantian jentera, adalah penting.

Ini disebabkan perkembangan perindustrian negara kita kini telah sampai kepada satu peringkat tidak lagi terlalu bergantung kepada negara asing untuk mendapatkan bekalan jentera, alat-alat gantian jentera, komponen-komponen dan lain-lain input, jelasnya.

Bellau berkata, penubuhan industri seperti itu akan mewujudkan asas perindustrian yang lebih luas.

No. Siri
No. Pele